



PANDUAN & SENARAI SEMAK · PERKAHWINAN MELAYU MALAYSIA

The Pelamiin Wedding *Guide.*

Dari merisik hingga naik pelamin — everything you need to plan, budget and breathe through your big day. Disusun dengan penuh teliti oleh Pelamiin.

Every love deserves its *pelamiin*.

Merancang majlis perkahwinan Melayu adalah satu perjalanan yang indah — tetapi kita tahu, ia juga boleh terasa overwhelming. Antara urusan jabatan agama, hantaran, katering, baju sanding dan seribu satu WhatsApp group, mudah untuk rasa hilang arah.

Panduan ini kami susun untuk satu tujuan: supaya anda berdua boleh merancang dengan tenang. Setiap bab mengikut aliran sebenar persiapan perkahwinan Melayu di Malaysia — bermula seawal 12 bulan sebelum majlis, hinggalah ke urusan selepas kenduri selesai.

How to use this guide: Print keseluruhan panduan ini dan simpan dalam satu fail, atau print bab demi bab mengikut fasa persiapan anda. Setiap senarai semak ada kotak untuk ditanda — use it, scribble on it, make it yours. Anggaran kos yang diberikan adalah julat biasa pasaran Malaysia dan boleh berbeza mengikut negeri, vendor dan skala majlis.

ISI KANDUNGAN

01	The Journey — Aliran Adat Perkahwinan Melayu	3
02	Garis Masa 12 Bulan — Countdown Checklist	4
03	Bajet — Anggaran Kos & Perancang Belanjawan	7
04	Urusan Rasmi & Agama — Nikah Tanpa Stres	9
05	Hantaran & Dulang	11
06	Vendor — Siapa Perlu Ditempah & Bila	12
07	Hari Majlis — Tentatif, AJK & Emergency Kit	14
08	Selepas Majlis — Wrap-Up Checklist	16

NOTA PELAMIIN

Panduan ini adalah rujukan umum. Untuk urusan pernikahan, sila rujuk Jabatan Agama Islam negeri masing-masing kerana prosedur dan kadar berbeza antara negeri.

Lima babak, satu *cerita*.

Perkahwinan Melayu bukan satu hari — ia satu rangkaian adat yang indah. Kenali setiap fasa supaya anda tahu apa yang menanti.

i Merisik

Wakil keluarga lelaki berkunjung ke rumah pihak perempuan untuk "menanya" — a gentle inquiry sama ada si dia sudah mempunyai. Zaman sekarang, merisik sering dijalankan ringkas atau digabungkan terus dengan majlis bertunang. Tiada hantaran besar diperlukan; buah tangan sudah memadai.

ii Bertunang

Majlis pertunangan merasmikan ikatan. Rombongan lelaki datang membawa hantaran (bilangan dulang ganjil), cincin disarung oleh wakil wanita keluarga lelaki, dan tempoh pertunangan serta jumlah belanja dipersetujui bersama. Biasanya majlis kecil di rumah — intimate, penuh adab.

iii Akad Nikah

Detik paling sakral — lafaz akad di hadapan jurunikah, wali dan saksi. Sering diadakan di masjid atau di rumah pengantin perempuan, diiringi majlis berinai sebelumnya. Selepas lafaz, sah sudah bergelar suami isteri. Mas kahwin dan hantaran diserahkan pada majlis ini.

iv Majlis Bersanding & Resepsi

Kenduri kesyukuran belah perempuan — the big celebration. Pengantin naik pelamin, merenjis air mawar dan beras kunyit, makan beradab, dan menyambut ratusan tetamu. Inilah majlis yang paling banyak menyerap bajet dan tenaga: katering, pelamin, baju sanding, fotografi.

v Majlis Bertandang / Sambut Menantu

Kenduri belah lelaki, biasanya seminggu atau dua selepas majlis pertama. Skalanya terpulang kepada keluarga — ada yang buat besar, ada yang buat makan-makan keluarga sahaja. Jangan lupa masukkan dalam bajet keseluruhan!

TIP PELAMIIN

Ramai pasangan kini menggabungkan akad nikah dan bersanding dalam satu hari untuk jimat kos dan tenaga — akad pagi, sanding tengah hari. Bincang dengan kedua-dua keluarga awal-awal supaya semua selesai dengan formatnya.

Countdown to the *pelamin*.

Senarai semak bulan demi bulan. Tak semestinya anda ada 12 bulan penuh — kalau masa lebih singkat, gabungkan fasa awal dan gerak lebih pantas untuk vendor popular.

12 – 10 bulan SEBELUM MAJLIS · THE FOUNDATION

- ☐ **Berbincang dengan kedua-dua keluarga** — tarikh cadangan, skala majlis, adat yang mahu dikekalkan, belanja & mas kahwin.
- ☐ **Tetapkan bajet keseluruhan** dan siapa menanggung apa (pasangan / keluarga / kombinasi). Rujuk Bab 03.
- ☐ **Pilih tarikh majlis** — semak kalendar cuti umum, cuti sekolah, bulan puasa, dan musim kenduri (Jun, Sep–Dis penuh sesak, vendor cepat penuh).
- ☐ **Anggar jumlah tetamu** — angka ini menentukan hampir semua kos lain.
- ☐ **Kenal pasti lokasi majlis** — rumah, dewan komuniti, hotel, atau garden venue. Survey dan tanya harga awal.
- ☐ **Daftar kursus pra-perkahwinan (kursus kahwin / SLCP)** — slot hujung minggu cepat penuh; lebih awal lebih baik. Sijil sah untuk kegunaan seluruh Malaysia.
- ☐ **Buka simpanan khas perkahwinan** — asingkan akaun supaya tak tercampur duit harian.

9 – 7 bulan SEBELUM · LOCK THE BIG VENDORS

- ☐ **Tempah dewan / venue** dengan deposit. Dapatkan resit & terma bertulis.
- ☐ **Tempah katering** — buat food tasting jika ditawarkan. Sahkan harga per pax, menu, dan caj tambahan (khemah, meja VIP, bunga pahar).
- ☐ **Tempah pelamin & butik baju sanding** — vendor pelamin dan butik popular ditempah 6–12 bulan awal, terutama musim kenduri.
- ☐ **Tempah jurugambar & videografer** — semak portfolio penuh satu majlis, bukan highlight sahaja.
- ☐ **Majlis pertunangan** (jika belum) — biasanya 6–12 bulan sebelum nikah.
- ☐ **Mula rancang tema & warna majlis** — ia akan menyeragamkan pelamin, baju, kad dan dekorasi.

TIP PELAMIIN

Bila deal dengan vendor, minta semua dalam bertulis: harga, apa yang termasuk, jadual bayaran, polisi pembatalan

pelamin Screenshot WhatsApp pun jadi — asalkan hitam putih. PELAMIIN.MY

6 – 4 bulan SEBELUM · THE DETAILS

- ☐ **Hadiri kursus kahwin** dan simpan sijil di tempat selamat (buat salinan digital).
- ☐ **Buat ujian saringan HIV** di klinik kesihatan kerajaan — keputusan diperlukan untuk borang nikah.
- ☐ **Fitting baju sanding pertama** — atau mula tempah jahitan custom (songket / lace memerlukan 3–6 bulan).
- ☐ **Rancang barang hantaran** dan mula beli sedikit demi sedikit — lebih mudah pada bajet. Rujuk Bab 05.
- ☐ **Muktamadkan senarai tetamu** — kumpul alamat & nombor telefon dalam satu spreadsheet.
- ☐ **Design kad kahwin & laman kahwin digital** — kad fizikal untuk orang tua-tua, link digital untuk group WhatsApp. Ini masanya tempah laman Pelamiin anda.
- ☐ **Tempah bunga telur / doorgift** — kuantiti ikut jumlah tetamu + lebihan 10%.
- ☐ **Tempah kek, andaman (mak andam), inai, DJ/PA sistem, kompang & bunga manggar** jika mahu.

3 – 2 bulan SEBELUM · MAKE IT OFFICIAL

- ☐ **Hantar permohonan nikah** melalui sistem online negeri masing-masing / pejabat agama daerah. Sediakan semua dokumen (rujuk Bab 04).
- ☐ **Sahkan wali & saksi** — pastikan wali (bapa / datuk / adik-beradik lelaki) tahu tarikh dan bersedia.
- ☐ **Edar kad jemputan & share link laman kahwin** — 6–8 minggu sebelum majlis adalah masa ideal.
- ☐ **Fitting baju kali kedua** untuk pengantin, dan sahkan baju keluarga / rombongan (tema warna).
- ☐ **Sahkan tentatif majlis dengan semua vendor** — satu dokumen, semua orang dapat.
- ☐ **Lantik AJK majlis** — penyambut tetamu, urusetia hadiah, jurukamera keluarga, pengurus doorgift. Rujuk Bab 07.
- ☐ **Rancang perjalanan honeymoon** — kalau nak guna pakej, tempoh ini harga masih okay.

1 bulan SEBELUM · FINAL STRETCH

- ☐ **Follow up RSVP** — kemaskini jumlah tetamu sebenar kepada caterer (biasanya boleh adjust 1–2 minggu sebelum).
- ☐ **Bayar baki bayaran vendor** mengikut jadual — simpan semua resit dalam satu folder.
- ☐ **Gubah hantaran** — hantar barang kepada pengubah, atau mula DIY session dengan keluarga.
- ☐ **Sahkan tarikh & masa akad dengan jurunikah / kadi** dan lokasi (masjid / rumah).
- ☐ **Trial makeup dengan mak andam** — bawa gambar rujukan, cuba dengan tudung/sanggul sebenar.
- ☐ **Sediakan duit tunai dalam sampul berlabel** untuk bayaran hari majlis: kadi, komping, upah pemandu, tips.

Minggu akhir THE HOME RUN

- ☐ **Briefing AJK & keluarga** — edar tentatif, senarai tugas dan nombor telefon penting.
- ☐ **Pack emergency kit majlis** (rujuk senarai penuh Bab 07).
- ☐ **Ambil baju sanding** , cuba kali terakhir dengan aksesori penuh.
- ☐ **Sahkan penghantaran** : pelamin (hari sebelum), catering (masa masak/sampai), kek, bunga, PA sistem.
- ☐ **Mandi bunga / spa / rehat** — seriously, schedule rest. Penat terkumpul nampak dalam gambar.
- ☐ **Malam sebelum: caj semua telefon & power bank** , susun barang akad (mas kahwin, cincin, dokumen) dalam satu beg.

Hari majlis NAIK PELAMIN

- ☐ **Sarapan!** Jangan naik pelamin dengan perut kosong.
- ☐ **Serahkan telefon kepada AJK** — biar mereka uruskan panggilan vendor.
- ☐ **Dokumen nikah, mas kahwin & cincin** dibawa oleh orang yang diamanahkan.
- ☐ **Be present.** Hari ini hanya datang sekali — senyum, tarik nafas, nikmati setiap saat.

Kira dulu, kahwin *kemudian*.

Julat anggaran kos pasaran Malaysia (2026) untuk majlis belah perempuan bersaiz sederhana. Harga berbeza ikut negeri, skala dan vendor — gunakan sebagai titik mula rundingan.

PERKARA	ANGGARAN JULAT (RM)	NOTA
Katering (per pax)	18 — 45 / pax	Menu kenduri standard; hotel/hall boleh cecah RM80–150+ per pax
Khemah, meja & kerusi	1,500 — 5,000	Kadang termasuk dalam pakej katering — tanya dulu
Pelamin & dekorasi	1,500 — 8,000	Pelamin mini dalam rumah lebih jimat; garden setup lebih tinggi
Baju sanding (sewa, 2 persalinan)	800 — 3,000	Jahitan custom songket: RM2,500 — 8,000+
Mak andam / andaman	500 — 2,500	Selalunya pakej dengan butik; termasuk inai & sanggul
Fotografi & videografi	1,500 — 6,000	Pakej akad + sanding; cinematic video tambah RM1,500–3,000
Hantaran (barang + gubahan)	2,000 — 8,000	Bergantung jenama barang; gubahan RM50–150 / dulang
Wang hantaran / belanja	5,000 — 30,000+	Ikut persetujuan keluarga & adat negeri
Mas kahwin	Ikut kadar negeri	Ditetapkan setiap negeri (contoh: ratusan ringgit) — rujuk pejabat agama
Kad kahwin (cetak)	300 — 1,500	RM0.60 — 3.00 seunit ikut kualiti
Laman kahwin digital	dari RM 2	RSVP, peta, ucapan — satu link untuk semua tetamu (pelamiin.my)
Doorgift / bunga telur	1.50 — 5.00 / unit	Darab jumlah tetamu + lebihan 10%
Kek & dessert table	300 — 1,500	Kek pajang (dummy) + real cutting tier lebih jimat
Kompong, bunga manggar, silat	400 — 1,500	Ikut kumpulan & jarak perjalanan
PA sistem / Dj / dikir	500 — 2,000	Pastikan ada mic untuk pengumuman & doa
Kursus, ujian HIV & borang nikah	100 — 400	Yuran kursus RM80–150; ujian HIV di KK kerajaan minima

Perancang belanjawan *anda*.

Isi anggaran anda, kemaskini dengan harga sebenar selepas deal dengan vendor, dan pantau baki bayaran.

PERKARA	BAJET (RM)	HARGA SEBENAR	DEPOSIT DIBAYAR	BAKI / TARIKH AKHIR
Katering				
Venue / khemah				
Pelamin & dekorasi				
Baju sanding				
Mak andam				
Foto & video				
Hantaran & gubahan				
Wang hantaran				
Mas kahwin				
Kad & laman kahwin				
Doorgift				
Kek & dessert				
Kompang / hiburan				
Majlis bertandang				
Honeymoon				
Lain-lain / kecemasan (10%)				
JUMLAH				

TIP PELAMIIN

Peruntukkan 10% bajet sebagai dana kecemasan. Ada sahaja kos yang muncul saat akhir — extra pax, upah angkat barang, hujan yang memerlukan khemah tambahan. Better safe than terkejut.

Nikah tanpa *stres*.

Bahagian yang paling ramai pasangan risaukan — padahal ia mudah kalau disusun awal. Ikut urutan ini dan semuanya settle.

Langkah 1 · Kursus Pra-Perkahwinan

Wajib untuk pasangan Islam yang pertama kali berkahwin. Dikendalikan oleh penganjur bertauliah di bawah modul bersepadu (dikenali sebagai kursus kahwin / SLCP). Biasanya 2 hari hujung minggu, yuran sekitar RM80–150. Sijil sah digunakan di semua negeri dan **tiada tarikh luput di kebanyakan negeri** — tapi sahkan dengan negeri anda. Daftar awal; slot penuh dengan cepat terutama sebelum musim kenduri.

Langkah 2 · Ujian Saringan HIV

Wajib untuk kedua-dua bakal pengantin. Boleh dibuat di klinik kesihatan kerajaan (bawa kad pengenalan & borang dari pejabat agama jika diperlukan oleh negeri anda). Keputusan biasanya sah untuk tempoh terhad (contoh 6 bulan) — jadi jangan buat terlalu awal.

Langkah 3 · Permohonan Nikah

Kebanyakan negeri kini guna sistem online (dan disokong kaunter pejabat agama daerah). Permohonan biasanya dibuka beberapa bulan sebelum tarikh nikah dan perlu dihantar sekurang-kurangnya beberapa minggu sebelum. Jika pengantin dari negeri berbeza, satu pihak perlukan **surat kebenaran berkahwin luar kawasan** dari negeri asal.

PENTING

Prosedur, kadar mas kahwin, dan tempoh sah dokumen **berbeza antara negeri**. Sentiasa rujuk portal rasmi Jabatan/Majlis Agama Islam negeri anda (contoh: JAIS untuk Selangor, JAWI untuk WP) sebagai sumber muktamad.

Langkah 4 · Hari Akad

Sahkan masa dengan jurunikah, hadirkan wali dan dua saksi lelaki, sediakan mas kahwin (tunai/barang seperti dipersetujui), dan dokumen asal. Selepas akad, pastikan sijil nikah diserahkan dan simpan dengan selamat — anda akan memerlukannya untuk banyak urusan selepas ini.

Senarai semak *dokumen*.

Dokumen biasa yang diperlukan untuk permohonan nikah. Negeri anda mungkin minta lebih atau kurang — semak senarai rasmi negeri sebelum hantar.

- ☐ **Borang permohonan nikah** — diisi lengkap oleh kedua-dua pihak (online atau fizikal ikut negeri).
- ☐ **Salinan kad pengenalan** kedua-dua bakal pengantin.
- ☐ **Sijil kursus pra-perkahwinan** (kedua-dua pihak).
- ☐ **Slip keputusan ujian saringan HIV** (kedua-dua pihak, dalam tempoh sah).
- ☐ **Pengesahan status bujang / surat akuan sumpah** jika diminta oleh negeri.
- ☐ **Maklumat & dokumen wali** — salinan IC wali, pengesahan hubungan.
- ☐ **Surat kebenaran berkahwin luar kawasan** — jika nikah di negeri/daerah berbeza dari alamat IC.
- ☐ **Dokumen tambahan jika berkaitan** : sijil cerai / sijil kematian pasangan terdahulu (bagi duda/janda), kebenaran poligami, dokumen pengesahan bagi pemastautin luar negara.
- ☐ **Gambar berukuran pasport** — sesetengah negeri memerlukan.
- ☐ **Bayaran fi permohonan** — kadar berbeza ikut negeri.

Maklumat penting untuk direkod

Nama & telefon jurunikah / kadi	
Tarikh & masa akad disahkan	
Lokasi akad	
Nama wali	
Nama saksi 1	
Nama saksi 2	
Jumlah mas kahwin dipersetujui	
No. rujukan permohonan nikah	

Seni memberi, penuh *makna*.



GUBAHAN HANTARAN · BILANGAN DULANG SENTIASA GANJIL

Mengikut adat, hantaran dibalas dengan bilangan ganjil — jika lelaki memberi **7 dulang**, perempuan membalas **9**; jika 9, dibalas 11. Dulang utama ialah **sirih junjung** (belah lelaki) dan **sirih dara** (belah perempuan). Selebihnya, bebas dan personal.

Untuk dia (belah lelaki beri)

- ☐ Sirih junjung / bunga rampai
- ☐ Cincin / set barang kemas
- ☐ Wang hantaran (digubah)
- ☐ Telekung / sejadah / Al-Quran
- ☐ Beg tangan & kasut
- ☐ Set kosmetik / skincare / minyak wangi
- ☐ Kain pasang / baju
- ☐ Buah-buahan & manisan / coklat
- ☐ Kek hantaran

Untuknya (belah perempuan balas)

- ☐ Sirih dara / bunga rampai
- ☐ Jam tangan
- ☐ Baju Melayu / sampin songket
- ☐ Kasut / kapel
- ☐ Minyak wangi & set dandanan
- ☐ Tali pinggang / dompet
- ☐ Sejadah / kopiah / Al-Quran
- ☐ Buah-buahan & manisan
- ☐ Kek atau pastri

Pasukan di sebalik *majlis*.

Soalan yang betul menjimatkan ribuan ringgit. Gunakan senarai ini semasa survey dan sebelum tandatangan apa-apa.

Katering — soalan wajib tanya

- ☐ Harga per pax termasuk apa? (nasi, lauk berapa jenis, air, dessert)
- ☐ Khemah, meja, kerusi, skirting & bunga pahar termasuk atau caj berasingan?
- ☐ Ada meja VIP / hidangan beradab untuk pengantin & keluarga?
- ☐ Boleh food tasting? Bila & berapa orang boleh datang?
- ☐ Polisi tambah/kurang pax — sampai bila boleh ubah jumlah?
- ☐ Crew berapa orang? Siapa clear pinggan & sampah selepas majlis?
- ☐ Bayaran: deposit berapa %, baki bila, refund policy?

Pelamin, Butik & Mak Andam

- ☐ Pakej termasuk apa — pelamin, mini pelamin bilik, arch luar, meja beradab?
- ☐ Baju: berapa persalinan, saiz boleh alter, aksesori (keris, dokoh, veil) termasuk?
- ☐ Mak andam datang berapa awal? Touch-up sepanjang majlis?
- ☐ Inai: pakej berasingan atau termasuk? Jenis inai (kepekatan, corak)?
- ☐ Setup pelamin bila — malam sebelum atau pagi majlis?
- ☐ Deposit cagaran baju & syarat kerosakan?

Fotografi & Videografi

- ☐ Berapa jam coverage? Akad & sanding hari berbeza dikira satu pakej?
- ☐ Berapa gambar edited diterima & dalam tempoh berapa lama?
- ☐ Video: highlight (3–5 min) sahaja atau full ceremony juga?
- ☐ Siapa photographer sebenar hari tu — orang yang sama dalam portfolio?
- ☐ Backup plan kalau photographer sakit? Fail raw disimpan berapa lama?

Jemputan — Kad & Laman Kahwin Digital

Realitinya pada 2026: kad fizikal untuk yang tersayang dan orang tua-tua, **satu link digital untuk semua yang lain**. A paper card gets lost in the group chat — laman kahwin digital pula mengumpulkan RSVP, peta lokasi, tentatif majlis, kisah cinta dan ucapan tetamu dalam satu halaman.

- ☐ Kad cetak: tempah 2 bulan awal, semak proof ejaan nama & tarikh **tiga kali**.
- ☐ Laman kahwin: pastikan ada RSVP, peta Google/Waze, tentatif, dan mesra telefon.
- ☐ Share link dalam group keluarga 6–8 minggu sebelum majlis, reminder 2 minggu sebelum.
- ☐ QR code laman kahwin boleh dicetak pada kad fizikal — best of both worlds.

DARI KAMI

Pelamiin membina laman kahwin hand-crafted untuk pasangan Malaysia — siap dalam 24–48 jam, bayaran sekali sahaja, dari RM2. Lihat koleksi tema di pelamiin.my/themes.

Direktori vendor anda

VENDOR	NAMA / SYARIKAT	TELEFON	DEPOSIT ✓
Katering			
Pelamin			
Butik / baju			
Mak andam			
Fotografi			
Videografi			
Kek			
Doorgift			
Kompang / hiburan			
PA sistem / DJ			
Laman kahwin	Pelamiin	pelamiin.my	

Tentatif yang *tenang*.

Contoh aliran majlis akad pagi + sanding tengah hari. Sesuaikan masa, isi ruang kosong, dan edarkan kepada semua AJK & vendor.

MASA	AKTIVITI	PERSON IN CHARGE
7:00 pagi	Mak andam tiba — solekan pengantin bermula	
8:30 pagi	Semakan akhir pelamin, PA sistem & meja beradab	
9:30 pagi	Jurunikah, wali & saksi tiba · dokumen disemak	
10:00 pagi	Majlis Akad Nikah · lafaz, doa, penyerahan mas kahwin	
10:45 pagi	Sarung cincin, membatalkan air sembahyang, sesi foto keluarga terdekat	
11:30 pagi	Pengantin tukar persalinan sanding · tetamu mula tiba, jamuan dibuka	
12:30 t/hari	Perarakan pengantin · kompong & bunga manggar	
1:00 petang	Persandingan · merenjis · makan beradab	
2:00 petang	Sesi fotografi dengan tetamu & keluarga di pelamin	
4:00 petang	Majlis bersurai · agihan doorgift kepada tetamu pulang	
5:00 petang	Kemas kawasan · kira hadiah & wang salam · pulangkan barang sewa	

AJK majlis — siapa buat apa

TUGAS	NAMA	TELEFON
Penyelaras majlis (ketua AJK)		
Penyambut tetamu & buku ucapan		
Urusetia hadiah & wang salam		
Pengurus doorgift		
Liaison vendor (katering, pelamin, foto)	PELAMIIN.MY	14
Pengurus parkir & trafik		

The emergency *kit*.

Satu beg, diamanahkan kepada seorang AJK yang sentiasa berdekatan pengantin. Percayalah — sekurang-kurangnya tiga benda dalam senarai ini akan digunakan.

Pakaian & penampilan

☐ Jarum peniti & pin tudung (banyak!)

☐ Jarum, benang & gunting kecil

☐ Double-sided tape / body tape

☐ Losyen, tisu, tisu basah

☐ Kit touch-up makeup & gincu

☐ Minyak wangi travel size

☐ Deodoran

☐ Sikat / berus rambut kecil

☐ Kasut selesa ganti (selipar cantik)

☐ Stokin / hand sock ganti

Kesihatan & kecemasan

☐ Ubat tahan sakit & ubat gastrik

☐ Minyak angin / minyak cap kapak

☐ Plaster & ubat luka

☐ Air mineral & snek ringan untuk pengantin

☐ Gula-gula / mint

☐ Payung (2 — panas atau hujan)

☐ Power bank & kabel telefon

☐ Duit tunai kecil dalam sampul berlabel

☐ Salinan tentatif & senarai telefon vendor

☐ Kunci rumah / kereta pendua



MAJLIS YANG TERSUSUN BERMULA DARI SENARAI YANG LENGKAP

Selepas kenduri, sebelum *selamanya*.

Majlis selesai, tapi ada beberapa urusan kecil yang melengkapkan segalanya. Settle dalam 2–4 minggu pertama.

- ☐ **Simpan sijil nikah di tempat selamat** — buat salinan digital (scan) dan simpan dalam cloud.
- ☐ **Pulangkan barang sewaan** — baju sanding, aksesori, pinggan mangkuk — dan tuntutan deposit cagaran.
- ☐ **Selesaikan baki bayaran vendor** dan minta resit akhir.
- ☐ **Kira & rekod wang salam** — kemudian ucap terima kasih kepada penyumbang besar secara peribadi.
- ☐ **Hantar ucapan terima kasih** — mesej kepada tetamu, AJK dan vendor. Post gambar rasmi pertama dengan caption penghargaan.
- ☐ **Kemaskini status perkahwinan** di JPN (jika berkaitan), majikan/HR, insurans, KWSP (penama), dan bank.
- ☐ **Follow up gambar & video** dari photographer mengikut tempoh dijanjikan — download dan backup semua fail.
- ☐ **Kemaskini laman kahwin** — tukar kepada mod galeri / thank you page supaya kenangan kekal di satu link.
- ☐ **Majlis bertandang** — jika ada, ulang checklist Bab 07 dalam skala lebih kecil.
- ☐ **Bernafas.** Anda dah selamat naik pelamin — kini bermulalah bab yang sebenar.

Nota & kenangan



SEDIA NAIK PELAMIN?

Kad kertas hilang dalam group chat. A *pelamiin* is remembered.

Laman kahwin hand-crafted untuk pasangan Malaysia — kisah anda, RSVP, peta dan ucapan tetamu dalam satu halaman yang indah. Bayaran sekali, siap dalam 24–48 jam, dari RM2.

[PELAMIIN.MY/THEMES](https://pelamiin.my/themes)

Pelamiin

EVERY LOVE DESERVES ITS PELAMIIN © 2026